

13 DEC 1999

Kuan Yew-Malaysia

MALAYSIA TIDAK AKAN JADI NEGARA FUNDAMENTALIS, KATA LEE KUAN YEW

KUALA LUMPUR, 13 Dis (Bernama) -- Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew berkata tidak mungkin Malaysia akan menjadi negara fundamentalis berdasarkan keputusan pilihan raya umum ke-10 yang baru berakhir.

"Tidak, Saya tidak fikir begitu. Keputusan pilihan raya itu memang baik bagi (Perdana Menteri Datuk Seri) Dr Mahathir (Mohamad)," kata beliau semasa temuramah dengan CNBC Asia yang disiarkan malam tadi. Transkrip temuramah itu diperolehi oleh Bernama.

Persoalan itu terbit daripada hakikat bahawa PAS, yang memperjuangkan penubuhan negara Islam, dapat menawan Terengganu daripada Barisan Nasional (BN) dan pada masa yang sama mengukuhkan kedudukannya di Kelantan.

Lee telah ditanya kesimpulannya mengenai keputusan pilihan raya umum 29 Nov lalu dan sama ada terdapat kemungkinan Malaysia menjadi negara fundamentalis.

Beliau berkata berdasarkan keputusan itu, Pas tidak boleh menang kecuali Malaysia mengamalkan konsep negara Islam dan perkara-perkara yang dilakukan leh parti itu sejak menang seperti melaksanakan konsep di Terengganu dan mengenakan cukai ke atas bukan Islam hanya akan menakutkan kumpulan sekular.

"Maksud saya bukan sahaja masyarakat Cina dan India tetapi juga Melayu mahukan sebuah negara Malaysia yang moden, berkembang maju dan sibuk dengan pelbagai aktiviti ekonomi. Justeru itu, saya berpendapat bahawa tidak mungkin Malaysia akan menjadi negara fundamentalis.

"Saya tidak dapat membayangkan bagaimana PAS memenangi Sabah, Sarawak dan kawasan-kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk di Pantai Barat atau Johor," kata beliau.

Pada pilihan raya itu, BN kembali berkuasa dengan majoriti dua pertiga. Dr Mahathir kemudian mengumumkan senarai Kabinetnya pada 10 Dis.

Lee menyifatkan perdana menteri sebagai seorang pejuang yang berjuang habis-habisan.

"Perdana menteri lain yang menghadapi serangan pembangkang dan kecaman media antarabangsa yang memburuk-burukkannya mungkin telah mengaku kalah atau telah berundur," kata beliau.

Lee berkata Dr Mahathir telah melalui kempen yang agresif dan tahu di mana masalahnya apabila memberi tumpuan kepada empat negeri di utara.

"Beliau menang dua, dan tewas dua. Jadi, beliau menjangka ia menjadi medan pertarungan," kata beliau. Lee menarik perhatian kepada Kedah dan Perlis yang menyaksikan BN berjaya menyekat percubaan pembangkang untuk menawan kedua-dua negeri itu.

Beliau berkata Dr Mahathir telah mengambil strategi yang betul melalui pendekatannya yang moden seperti terserlah melalui tumpuannya kepada sains dan teknologi, menarik rakyat Malaysia supaya menyokong projek Koridor Raya Multimedia dan hasratnya untuk menembusi industri berteknologi tinggi.

"Saya berpendapat yang penting atau yang paling penting sekali lagi Malaysia ialah falsafah kerajaannya yang sekular.

Beliau pernah memberitahu doktor-doktor beragama Islam bahawa mereka tidak dapat memeriksa pesakit wanita dengan hanya mengemukakan soalan untuk dicatat dengan pensil kerana yang sepatut dilakukan ialah memeriksa perut pesakit.

"Sekarang, bagi seorang pemimpin Islam untuk berkata demikian, ia memerlukan keberanian dan beliau memilikinya," kata Lee.

Ketika ditanya pendapatnya sama ada Dr Mahathir akan berpegang kepada

kenyuaatan bahawa penggal kelima ini ialah penggal terakhir beliau menjadi perdana menteri, Lee berkata: "Saya berpendapat bahawa mungkin dalam fikiran beliau terbayang rancangan untuk memelihara warisannya.

"Maksud saya telah sampai satu satu peringkat apabila tidak ada perkara lain penting yang boleh dicapai melainkan meninggalkan sistem, kerajaan, masyarakat dan pemimpin yang boleh meneruskan usaha anda."

Beliau berkata Dr Mahathir telah membawa Malaysia jauh ke hadapan dan beliau (Lee) mempunyai pendapat bahawa pemimpin Malaysia itu telah "berfikir sedalam-dalamnya" tentang bagaimana untuk mendapatkan barisan bagi membawa Malaysia ke tahap lebih maju.

Lee berkata isu pengganti telah menjadi masalah di Malaysia memandangkan Dr Mahathir telah menghabiskan masa 17 tahun mendidik bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Beliaum menarik kepercayaan penuh kepada Anwar dan mendidiknya dan saya tahun banyak pemimpin memberitahu saya bahawa mereka terkejut apabila Anwar didakwa memandangkan Mahathir sendiri pernah berkata bahawa dia ialah penggantinya.

"Justeru itu, saya berpendapat ia satu tamparan hebat, pukulan serius bagi keua-dua mereka. Tetapi seperti saya katakan pada ketika itu, saya berpendapat ia merupakan tamparan lebih hebat bagi Mahathir kerana rancangannya bagi pengganti tidak menjadi kenyataan."

Anwar kini menjalani hukuman penjara enam tahun selepas didapati bersalah terhadap tuduhan salah guna kuasa dan sekarang dibicarakan atas tuduhan liwat.

Ketika ditanya apakah yang paling dikesali dalam kariernya, Lee berkata ia ialah apabila diminta meninggalkan Malaysia kerana ia berupa tamparan besar".

"Setelah banyak usaha dijalankan dan harapan yang tinggi diletakkan, adalah menyedihkan apabila diminta meninggalkan," kata beliau.

Singapura menyertai Malaysia pada 1963 bersama Sabah dan Sarawak tetapi berpisah pada 1965.

-- BERNAMA

MAM FAZ